

**MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS
KENYATAAN TAWARAN**

NO. SEBUT HARGA : MPK.Ps. SULIT 379

BERTARIKH : 19 JANUARI 2024

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **KONTRAKTOR BUMIPUTERA TEMPATAN** yang berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

SYARAT PENDAFTARAN	BUTIRAN TAWARAN	TAKLIMAT TAPAK
GREED G3 KATEGORI ME PENGKUSUSAN M01 SISTEM HAWA DINGIN DAN PENGEDARAN UDARA DAN E04 PEMASANGAN VOLTAN RENDAH DAN E11 KERJA AM ELETRIK	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DEWAN SIVIK ARAU, PERLIS SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN	TARIKH : 26 JANUARI 2024 (JUMAAT) MASA : 9.00 PAGI TEMPAT : DEWAN MPK ARAU, PERLIS (DEWAN SIVIK, ARAU) (SYARIKAT / KONTRAKTOR ADALAH DIGALAKKAN UNTUK MENGHADIRI TAKLIMAT TAPAK)

2. Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga **RM 200.00** daripada **UNIT PEROLEHAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** di alamat **NO. 192, PERSIARAN JUBLI EMAS, 01000 KANGAR, PERLIS** mulai daripada :-
- A) TARIKH PENJUALAN DOKUMEN : 29 JANUARI 2024 (ISNIN) - 31 JANUARI 2024 (RABU)**
- B) TARIKH TUTUP PENGHANTARAN DOKUMEN : 05 FEBRUARI 2024 (ISNIN)
(TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00 TENGAHARI)**
- C) MASA PENJUALAN DOKUMEN : 8.30 PAGI - 3.45 PETANG**
- D) WAKTU REHAT : 1.00 TENGAHARI - 2.15 PETANG (ISNIN - KHAMIS)
: 12.00 TENGAHARI - 2.45 PETANG (JUMAAT)**
3. Semasa pembelian dokumen tawaran, syarikat / kontraktor perlu membawa **DOKUMEN PENGENALAN DIRI, COP SYARIKAT** dan **SIJIL-SIJIL PENDAFTARAN** seperti **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (CIDB), SIJIL KONTRAKTOR KERJA TARAF BUMIPUTERA** dan **SURAT KEBENARAN KHAS (CIDB) (JIKA BERKAITAN)** serta menyerahkan **SATU (1) SALINAN** bagi setiap sijil-sijil pendaftaran tersebut. **HANYA PENAMA YANG DITAUHIAHKAN** seperti **NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN** sahaja adalah dibenarkan untuk membuat pembelian dokumen tawaran tersebut. **WAKIL-WAKIL SYARIKAT / KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**
4. **DOKUMEN TAWARAN ASAL** yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakari dan bertulis **NO. SEBUT HARGA** dan **BUTIRAN TAWARAN** pada sampul surat serta dihantar supaya sampai ke **PETI TAWARAN DI MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI**. Dokumen tawaran yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.
5. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.